

**NO.SOALAN:116**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 18 MEI 2016**

**RUJUKAN : 8993**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kegiatan militan etnik Uighur mengancam keselamatan negara dan nyatakan langkah-langkah kerajaan bagi menyekat kemasukan kumpulan militan etnik Uighur ke negara ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis DiRaja Malaysia senantiasa memantau pergerakan dan meningkatkan tahap keselamatan negara daripada terus diancam dari mana-mana pihak termasuklah daripada golongan pelampau etnik Uighur.

Ini termasuklah dengan menjalinkan kerjasama dan perkongsian maklumat risikan dengan agensi-agensi perisikan antarabangsa khususnya negara ASEAN, mengetatkan kawalan keselamatan di semua pintu masuk keluar seluruh negara dengan menyenaraihitamkan dan memasukkan nama-nama mereka yang diperolehi ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) untuk mengesan pergerakan mereka di semua pintu masuk utama seluruh negara. Tapisan keselamatan ini juga digunakan dalam menapis kemasukan pensyarah-pensyarah dan penceramah-penceramah daripada luar negara.

Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.